


Peringatan – Tiap-tiap

seorang yang mendatangkan perhatian hendaklah mendatangkan satu masalah sahaja supaya memberi peluang kepada orang lain bertanya lagi.



Ilyas bin Edang, askar Melayu, Port Dickson bertanya:

1. Adakah sah atau diterima tiap-tiap amalan atau ibadah seseorang yang didapati dengan jalan belajar daripada kitab-kitab agama dengan tidak dapat kebenaran daripada pengarangnya.

2. Adakah sah atau diterima seseorang yang mengerjakan sembahyang fardhu dengan meninggalkan sunat-sunatnya.

Jawab 1. Sah berkenaan dengan kitab-kitab itu adalah urusan perniagaan.

2. Sah

Abdullah bin Husin, Ipoh Road, Chemor, bertanya:

Apakah sebabnya tanah perkuburan di Singapura itu dinamakan Bidadari.

Jawab: Mengikut keterangan yang didapati adalah kawasan yang dinamakan Bidadari itu dahulu jadi kawasan istana Almarhum Sultan Abu Bakar Johor. Isterinya Enche' Seranggong tinggal di situ. Menurut ceritanya Enche' Seranggong itu ialah seorang rupawan yang payah hendak dicari bandingnya pada masa itu. Oleh sebab itu maka orang-orang di situ menggelarkan dia "Bidadari" itulah asalnya hingga sekarang ini tempat atau kawasan itu dinamakan Bidadari.

Halimah Ahmadi, Jalan Lama, Kota Bahru, Kelantan bertanya:

1. Apa hukumnya orang-orang yang memakai neck tie (tali leher) topi dan seluar yang nampak lutut.  
2. Perkataan "*Man tashbih biqaumi fahua minhum*" adakah

ia hadis atau tidak dan sebagaimanakah yang dikatakan tashbih itu.

Jawab 1. Memakai neck tie, topi dan seluar itu tidak menyalahi.

Memakai seluar yang nampak lutut itu menyalahi sebab nampak aurat. Aurat laki-laki ialah daripada lutut hingga ke pusat.

2. Perkataan "*Man tashbih biqaumi fahua minhum*" itu atau lain-lain ayat yang begitu tujuannya adalah dikatakan hadis Nabi (SAW). Tashbih (erti menyerupai) yang dimaksudkan di sini ialah tashbih kepada amal ibadah (bukan pakaian). Tetapi ada juga sebahagian daripada ulama pada masa ini memahamkan bahawa tashbih itu umum dengan alasan yang halus, umpamanya jika seorang memakai pakaian cara Eropah sudah tentu, menurut pandangan ini, terdapat perbezaan perasaan di atas dirinya dan demikian juga memakai pakaian yang lazim digunakan oleh orang Islam tentu ada membawa perasaan kepada dirinya. Beginilah halusnya terbit daripada kehendak menyerupai itu jika dihalusi. Yang demikian ini ialah tentang hal keduniaan dan tujuan keterangan di atas tadi yakni pada ibadah itu ialah umum dipakai.

Muhammad Ali bin Haji Abdullah, Asam Jawa, Kuala Selangor bertanya:

Seorang lelaki beragama Kristian beristerikan seorang perempuan Islam dengan masing-masing memeluk agamanya sendiri. Jika beranak apakah agama yang dibangsakan kepadanya?

Jawab: Allah telah berfirman yang maksud "Makanan ahli kitab (Nasrani dan Yahudi) halal bagi kamu dan makanan kamu halal bagi mereka itu dan (dihalal bagi kamu) perempuan-perempuan Mukmin yang bersih dan perempuan-perempuan yang bersih daripada golongan-golongan kafir ke nabi yang dahulu daripada kamu"

Dengan menurut firman yang tersebut bahwasanya perempuan-perempuan Yahudi atau Nasrani boleh kita kahwin kepadanya walau

pun tidak masuk Islam. Seorang sahabat nabi bernama Huzaifah bin al-Yamani telah berkahwin dengan seorang perempuan Yahudi. Perkahwinan ini tidak ditegah oleh sesiapa pun daripada Rasulullah tetapi menurut pandangan orang sekarang sebab sahabat-sahabat kafir-kafir ke nabi yang ada sekarang tidak berpegang dengan pegangan secara agamanya yang dahulu maka perkahwinan yang demikian itu dipandang tidak sah dengan sebab iktikad mereka telah bertukar.

Tentang perkahwinan seorang perempuan Islam kepada lelaki lain agama itu tidak ada sesuatu kebenaran pun yang tersebut di dalam al-Quran dan tidak juga ada tersebut di dalam al-Hadis dan tidak pernah pula dibuat oleh sahabat-sahabat Rasulullah (SAW). Dengan itu maka terang perkahwinan itu tidak boleh dan tertegah dan anaknya itu sudah tentu anak yang tidak sah pada sisi syarak.

-----\*-----\*

Muhammad bin Abdul Kadir Batu Pahat bertanya: Seorang anak zina tatkala besarnya ia menjadi seorang yang salih – adakah dapat kejayaan di akhirat dengan kerana amal-amalnya yang salih itu?

Jawab: Firman Allah yang maksudnya - “Seorang itu tidak akan memikul dosa orang lain”. Yang berzina dan melakukan zina itu ialah ibu bapanya dan kezahirannya itu adalah sebab daripada zina itu adalah ditanggung dosanya oleh orang yang melakukan zina itu sendiri – bukan dirinya. Anak itu tidak kena mengena dengan perkara yang tersebut anak itu akan mendapat apa yang diusahakannya sendiri jahat, jahat didapati, baik, baik didapati kerana Allah telah berfirman maksudnya: “Sesungguhnya aku tidak akan mensiahan amalan seseorang yang beramal daripada kamu lelaki dan perempuan”.

-----\*-----\*

Wan Osman Hamid Jawa Road, Kuching Sarawak, bertanya: -

1. Bagaimakah gayanya supaya kita boleh sembahyang dengan khusuk yakni tidak teringatkan yang lain-lain waktu sembahyang.
2. Baikkah laki-laki beristerikan perempuan yang umurnya lebih tua daripadanya?

Jawab: 1. Segala gangguan atau haruan-haruan itu ialah suatu ujian bagi tiap-tiap seorang muslim, kecuali junjungan kita Nabi Muhammad (SAW) sahaja yang tidak mendapat gangguan-gangguan seperti itu. Ada hadis berkata: *An ta'budaLlah kainmaka tarah fain lam takun tarah fainmahu yarak –* Ertinya lebih kurang: Akan menyembah Allah itu seolah-olah kamu nampak akan dia maka jika tidak kamu nampak sekalipun maka Allah akan nampak kepadamu.”

Apabila keadaan kita seolah-olah berhadapan dengan Dia maka tentulah hati kita itu tidak akan ke mana-mana lagi bahkan bertumpu kepada-Nya sahaja demikian juga jika mengerjakan satu kerja dalam tilikan atau perhatian yang menyuruh kita bekerja itu maka tentulah hati kita tetap pada kerja yang dibuat kerana takutkan dia.

Makam bersih daripada segala gangguan itu hanya ada pada Anbiya dan Rasul-rasul.

2. Tentang beristeri yang tua daripada kita atau yang muda itu bergantung kepada rasa hati masing-masing. Tetapi sebaik-baik perempuan yang molek dijadikan isteri ialah perempuan yang penuh dadanya dengan iman dan yang penuh badannya dengan perhiasan-perhiasan budi bahasa yang mulia, kelakuan yang terpuji dan adab yang bagus.

-----\*-----\*

Harun bin Muhammad, Kastam Berek, Johor Bahru bertanya:

1. Apa hukumnya seorang suami termakan susu isterinya atau dibuatkan ubat sakit mata.
2. Apa hukumnya mak mertua dibuatkan isteri atau dengan lain-lain perkataan bolehkah nikah dengan maka mertua.

Jawab: 1. Tidak menyalahi. Dimaksudkan anak susu itu ialah anak kecil yang berusia sebelum dua tahun menyusu sampai kenyang, sekurang-kurangnya lima kali.

2. Tak boleh sama sekali. Haram mabadi namanya.

-----\*-----\*

Al-Haj Wan Ismail bin Al-Haj Wan Ngah, Kampung Kulam, Kuala Terengganu bertanya:

1. Apa hukumnya orang Islam yang makan gaji dengan taukeh pajak gadai.

2. Adakah berdosa seorang laki-laki mencium laki-laki yang lain dan perempuan mencium perempuan yang lain yakni bercium-cium supaya dapat kelazatan atau naik ghairah.

Jawab: 1. Harus kerana mengambil upah dirinya.

2. Tak boleh haram, jika cium itu berserta syahwat.

Ada adat kebiasaan di dalam kehidupan orang-orang Arab apabila seorang berjumpa dengan sahabatnya lelaki sama lelaki, perempuan sama perempuan mereka mencium pipi masing-masing sebagai mahabbah itu tidak termasuk perkara yang tersebut itu.

-----\*-----\*

Yaakub bin Abdul Wahab, Saint Hill, Melaka bertanya:

Seorang perempuan mati suaminya kemudian berkahwin ia dengan orang lain sampailah akhir hayatnya maka di akhirat kelak suami yang manakah yang akan diikut oleh perempuan itu.

2. Betapakah keadaannya orang-orang yang mati, sebelum ia beristeri atau bersuami. Siapakah pasangannya di akhirat kelak.

Jawab: 1. Perempuan itu akan mengikut suami yang bersama-sama dengannya waktu ia mati. Lakinya pertama atau seterusnya akan digantikan oleh Allah dengan perempuan yang serupa dengan isterinya itu. Begitulah mengikut qaul yang muktamad.

2. Isteri-isterinya di akhirat kelak adalah daripada jasa-jasannya daripada kebijakan yang dilakukannya di dalam dunia.

-----\*-----\*

Wan Awang bin Zainal, Pejabat Cetak Kerajaan, Terengganu bertanya:

1. Apa hukumnya orang yang dengan sengaja membuangkan anak yang di dalam rahimnya dengan memakan ubat dan sebagainya.

Berdosa besar – haram perbuatan ini sama dengan membunuh seorang yang bernyawa sekiranya di dalam kandungannya telah dimasukkan roh yang biasanya di dalam bunting masuk ke dalam lima bulan.

-----\*-----\*

Emas, Dato' Keramat Road, Pulau Pinang, bertanya:

Daripada manakah terbitnya mazhab-mazhab dalam Islam.

Mazhab sudah ada daripada zaman sahabat-sahabat lagi kerana apa yang diketahui oleh setengah-setengah sahabat berkenaan hadis-hadis nabi tiada diketahui oleh yang lain demikian sebaliknya. Ini menimbulkan mazhab yakni berlainan-lainan pendapatan dan fahaman.

Daripada itu timbulah pula mazhab yang diaku dan terpakai oleh Ahlus Sunnah wal Jamaah. Orang-orang ini tiada bertulis petua-petuanya. Tetapi pendapatan-pendapatan mereka itu adalah dikumpulkan pula oleh ulama al-Mujtahidin dan timbulah mazhab yang empat itu (Syafie, Hanafi, Hanbali dan Maliki) menjadi mazhab Ahlus Sunnah wal Jamaah yang diaku oleh ahli fikah. Pada ahli tauhid ada dua sahaja mazhab iaitu mazhab Abu Hasan Ashaari dan mazhab Abu Mansur Maturidi.

Jika berkehendak lebih panjang lagi metelaahlah kitab Tarikh Tasyrik.

-----\*-----\*

Sulaiman bin Abdul Rahim, Naval Base, Singapura

bertanya:

1. Mengapa Pak Cik Osman di Radio Malaya tiada mahu menjawab soal-soal daripada saya. Adakah ia memandang kepada pangkat yakni menjawab soal-soal orang yang ternama sahaja.

Jawab: Berkennaan dengan soal ini saya telah pergi berjumpa dengan Pak Cik Osman bertanyakan jawabnya soal ini ia hanya tersenyum lalu berkata ia sendiri banyak menerima surat-surat menempel akan dia mengapa soal anak-anaknya tidak dijawab.

Iapun menunjukkan surat-surat yang sampai kepadanya. Semuanya disusun dan diikat seratus dalam satu-satu ikat. Ini semua diberi bertarikh – tarikh sampainya. Ia berkata lagi soal-soal yang dijawab sekarang ini adalah sampai kepada lebih kurang 6 bulan sudah. Ada juga di antara soal-soal yang sampai itu bertanyakan perkara-perkara yang

sudah dijawabnya dahulu ada juga yang terlampau karut yakni  
yang tiada molek jika disiarkan dalam radio.

Sekurang-kurangnya 20 surat sampai kepadanya tiap-tiap hari  
jadi seminggu bermakna 120 surat. Yang dapat dijawab  
hanya di antara 14 dengan 16 soal. Yang lagi 104 itu  
ditangguhan dan tiap-tiap minggu bertambah-tambah banyak lagi.  
Inilah sebabnya soal-soal itu lambat dijawab olehnya. Soal  
memandang pangkat atau martabat tidak ada. Dalilnya soal Yang Amat  
Mulia Tengku Azman Putera Sultan Selangor yang baru dijawabnya  
baru-baru ini ialah daripada surat yang sampai kepadanya dalam bulan  
Mei tahun 1950 yang lalu.

Tampaknya apa yang dialami oleh Pak Cik Osman itu  
dialami pula oleh ruangan 1001 Masalah ini kerana surat-surat  
yang sampai kepada saya bertambah-tambah banyak tiap-tiap hari walhal  
ruangan kerananya sedikit sahaja oleh kerana hendak memberi  
peluang supaya banyak penyoal-penyoal dapat peluang melihat soal-soalnya  
dijawab dalam ruangan ini maka mulai daripada bilangan  
yang akan datang, saya akan menjawab hanya satu soal  
sahaja daripada tiap-tiap seorang.

## PERHATIKAN

Di dalam majalah Qalam bilangan 6 muka 33 di bawah tajuk  
1001 Masalah jawapan kepada Muhammad Rashid bin Saidi  
Ulu Yam Selangor berkenaan dengan nikah perempuan di dalam  
hamil jawabnya yang benar ialah begini: nikah itu tidak sah.  
Abu al-Mokhtar.

Ada banyak soal yang telah didatangkan di dalam ruangan ini  
yang bertanya: "Apakah keterangan yang ditulis oleh Abu al-Mokhtar  
dengan lajnahnya ini boleh dipakai kerana tidak membawa  
keterangan-keterangan al-Quran dan al-Hadis?" Maka kita sangat  
berduakacita memaklumkan oleh kerana ruangan ini terlampau  
sempit, kita tidak dapat menjawab soal-soal itu dengan  
panjang lebar dengan membawa nas-nasnya satu persatu tetapi  
insya-Allah mudah-mudahan apabila nanti kita mendapat huruf-huruf  
baris yang kita sedang mengusahakan mendapatkan itu  
sampai maka kita akan menerbitkan 1001 Masalah ini  
menjadi suatu siaran khas dengan membawa keterangan yang

panjang lebar di dalam sesuatu soal yang mengenai hukum  
agama. Mudah-mudahan Allah sampaikan cita-cita kita ini dan  
kelak mudah-mudahan pembaca-pembaca akan menggemarkinya. Penerbit

---

## SETIA

**S** Setia itu sifat mengatas  
Segala diakuinya tak pernah meredas  
Serasa sentosa padanya bernas  
Susah senang tak pula membidas

**T** Tetapi padanya elok terselut  
Telah mahsyur di darat di laut  
Tiap pekerjaan tak tahu membelot  
Tujuannya lurus tak pernah herot

**Y** Ya! Aku sifat yang dipercayai  
Yang memimpin kamu kepada jaya  
Yakinilah aku sesuai demikian kaya  
Ya sungguh akulah sifat yang berjaya

**A** Apabila aku telah merasa  
Eloklah sebutan tidak cedera  
Orang tak berani denganmu bercora  
Indahlah kehidupan jarang melara

Harun D.L. Singapura.

---

Perkataan yang lembut itu melembutkan hati-hati yang lebih  
keras daripada batu-batu pejal, dan perkataan yang kasar mengeraskan  
hati yang lebih halus daripada sutera – kata Hakim.

-----\*-----\*

Orang yang berkuasa boleh berbuat semahu-mahunya sahaja  
dan boleh berkata-kata dengan sekehendaknya dengan tidak memandang  
sesuaikah perkataan dan ucapannya itu dengan perbuatannya –  
tetapi Tuhan tidak akan membiarkan – Kata – Pengarang  
al-Lisan.